

PM kongsi pengalaman jalani kuarantin 14 hari

BH - 6/6/2020 m/s: 11

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam berkongsi pengalamannya menjalani perintah kuarantin selama 14 hari selepas dikategorikan sebagai kontak rapat kepada satu kes positif COVID-19 membabitkan seorang pegawai yang hadir bermesyuarat bersamanya.

Perdana Menteri menjelaskan keputusan negatif diperolehnya adalah hasil amalan kebiasaan baharu terutama dalam penjarakan sosial.

Justeru, beliau menasihatkan supaya semua rakyat mengamalkan penjarakan sosial walau di mana berada kerana ia berupaya menjadi benteng terakhir daripada ancaman jangkitan virus terabit.


“Sejak dua minggu yang lalu, saya menjalani kuarantin di rumah kerana dikategorikan sebagai kontak rapat seorang pegawai

kerajaan yang disahkan positif COVID-19. Apa yang berlaku ini tidak dijangka, tetapi inilah sifat virus yang sedang kita hadapi.

“Namun, Alhamdulillah keputusan saringan saya dan semua kontak rapat yang lain adalah negatif. Saya fikir antara sebabnya ialah penjarakan sosial yang sentiasa diamalkan dalam semua mesyuarat dan pertemuan yang saya hadir.

“Ini menunjukkan betapa pentingnya kita mengamalkan penjarakan sosial untuk mengelakkan diri kita daripada dijangkiti virus ini. Jadi, nasihat saya kepada saudara saudari amalkan penjarakan sosial walau di mana sahaja saudara saudari berada,” katanya ketika membentangkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), semalam.

Beliau berkata amalan kebia-

 **Sejak dua minggu yang lalu, saya menjalani kuarantin di rumah kerana dikategorikan sebagai kontak rapat seorang pegawai kerajaan yang disahkan positif COVID-19. Apa yang berlaku ini tidak dijangka tetapi inilah sifat virus yang sedang kita hadapi.**

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

saan baharu dapat dilihat apabila banyak premis memudahkan pelanggan dengan hanya mengimbas Kod QR tanpa lagi perlu mendaftar nama dan nombor telefon di dalam buku.

Malah, rakyat juga sabar berbaris sebelum memasuki premis seperti di pasar raya dan kedai makan dengan mengamalkan penjarakan sosial.

Beliau bersyukur kerana negara berjaya mengawal penularan COVID-19 tanpa peningkatan mendadak kes positif, biarpun sektor ekonomi sudah dibuka semula.

Katanya, kejayaan itu adalah hasil daripada langkah yang diambil kerajaan dan disiplin rakyat terutama petugas barisan hadapan serta pasukan keselamatan yang bekerja siang dan malam tanpa cuti atau rehat di hujung minggu.

“Alhamdulillah, dengan langkah yang diambil oleh kerajaan dan disiplin anda semua, penularan COVID-19 di negara kita dapat dibendung dengan lebih 80 peratus kes pulih sepenuhnya. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan di atas pengorbanan dan komitmen yang dicurahkan.

“Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam menjalankan aktiviti harian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

“Sekiranya kita dapat terus mematuhi SOP yang ditetapkan dan kes COVID-19 kekal terkawal, saya yakin sektor yang masih dilarang pada masa ini akan dapat dibuka dengan lebih cepat” katanya.